

Sempena pertabalan Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13, Khamis ini

B.H m/s 11 24. 4. 07

Penggiliran unik sistem monarki

Sembilan raja Melayu layak pilih, duduki takhta pemerintahan Malaysia

MALAYSIA mempunyai sistem unik di mana seorang Ketua Negara dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada sembilan orang raja-raja Melayu. Sistem monarki ini berbeza berbanding sistem amalan beraja di beberapa negara lain, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dalam pemerintahan beraja.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan ketika negara mencapai kemerdekaan pada 1957, satu proses yang cukup bermakna kerana ia melambangkan keyakinan rakyat terhadap sistem pemerintahan demokrasi bermonarki.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong, tidak dipilih rakyat tetapi oleh sembilan Raja Melayu pada persidangan Majlis Raja-Raja, dan memegang jawatan itu untuk tempoh lima tahun.

Selepas genap tempoh itu, Seri Paduka hendaklah turun dari takhta dan akan diganti seorang raja lain berdasarkan sistem pemilihan sama. Dalam sistem penggiliran ini, takhta pemerintahan adalah kekal sebaliknya raja yang memerintah yang bersilih ganti, itulah keunikan dalam sistem monarki negara ini.

Raja-raja Melayu yang layak memilih dan menduduki takhta pemerintahan Malaysia ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Selangor, Raja Perlis, Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Johor dan Sultan Perak.

Walaupun begitu dalam pemerintahan di peringkat negeri, Raja-raja Melayu masih mengekalkan sistem warisan dalam me-

INFO

Tugas rasmi sebagai Yang di-Pertuan Agong

- Mempunyai kuasa memanggil, memberhenti dan membubarkan Parlimen.
- Mempunyai kuasa dan budi bicara melantik Perdana Menteri dan atas nasihat Perdana Menteri, melantik menteri-menteri sebagai anggota Jemaah Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri.
- Baginda juga adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan.
- Mengurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat kepada rakyat semua peringkat.
- Menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja seperti Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak, selain negeri baginda sendiri.
- Berkuasa melantik hakim, mengampun dan menangguhkan hukuman mengenai segala kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan dan Labuan.



DAULAT TUANKU: Sultan Mizan melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri, Istana Negara Disember lalu.

menentukan pengganti masing-masing.

Sejak pemilihan Yang di-Pertuan Agong pertama iaitu Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad, Malaysia sudah mempunyai 13 orang Ketua Negara termasuk Tuanku Mizan Zainal Abidin, Sultan Terengganu yang akan ditabalkan, Khamis ini.

Sistem pemilihan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan oleh Undang yang memerintah luak atau daerah mengikut adat Minangkabau memberi inspirasi kepada Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra untuk menghasilkan sistem pemilihan Yang di-Pertuan Agong.

Tunku bertanggungjawab memperkemarkan sistem yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid pada 1957 iaitu jawatan Yang di-Pertuan Agong bukanlah diwarisi tetapi berdasarkan kepada sistem giliran, sesuatu yang baru dan tidak pernah di-amalkan negara lain di dunia ini.

Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara seperti termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan juga menetapkan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja secara undi sulit untuk tempoh lima tahun.

Namun begitu setiap sultan yang dilantik boleh meletak jawatan pada bila-bila masa dengan mengutus surat peletakan jawatan kepada Majlis Raja-Raja atau dipecat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Setakat ini belum ada pemegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dipecat atau meletak jawatan. Bagaimanapun berlaku kekosongan jawatan ketika kemangkatan Sultan Selangor Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Sultan Hishammuddin Alam Shah (Yang di-Pertuan Agong ketika itu, yang baru berkhidmat dua tahun enam bulan).

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di-puterakan pada 8 Mac 1926 di Istana Bandar

Temasya, Kuala Langat, mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Klang, kemudian meneruskan pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar.

Baginda adalah Yang di-Pertuan Agong yang ke-11 dan sultan Selangor. Baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 26 April 1999 dan ditabalkan pada 11 September 1999.

Baginda mangkat pada 21 Nov 2001 di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur. Selain Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mangkat ketika masih memegang jawatan sebagai Ketua Negara, ada dua lagi Yang di-Pertuan Agong yang lain mangkat ketika masih dalam perkhidmatan.

Baginda ialah ayahanda kepada Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah iaitu Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah Sultan Sir Alae-ddin Sulaiman Shah, Yang di-Pertuan Agong kedua.

Sultan kelima bagi Selangor itu ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 14 April 1960, baginda mangkat pada 1 September 1960 di Istana Tetamu, Kuala Lumpur iaitu selepas 27 hari gering.

Almarhum Sultan Yahya Petra Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong keenam juga mangkat ketika masih memegang jawatan sebagai Ketua Negara iaitu kira-kira empat tahun berkhidmat.

Baginda diputerakan pada 10 Disember 1917 di Istana Balai Besar, Kota Baharu, Kelantan. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang ketika berusia 14 tahun. Sultan Yahya Petra dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 19 Jun 1975 dan mangkat pada 29 Mac 1979.

Yang di-Pertuan Agong, seperti juga Raja-Raja Melayu yang lain, boleh didakwa atas kapasiti peribadinya dan jika didakwa bagi sebarang kesalahan di bawah mana-

mana undang-undang, Seri Paduka mangkat dibicarakan di sebuah Mahkamah Khas.

Dalam banyak perkara hampir semua keputusan kerajaan dibuat oleh baginda atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Namun begitu, baginda boleh bertindak menurut budi bicara bagi melaksanakan tugas berikut:

- Melantik seorang Perdana Menteri yang menurut pendapat Seri Paduka mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen.

- Tidak setuju permintaan membubarkan Parlimen.

- Meminta supaya diadakan satu Mesyuarat Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan mengambil sebarang tindakan dan hal lain dalam mesyuarat itu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ada beberapa tugas rasmi yang hanya boleh dilakukan Yang di-Pertuan Agong, antaranya:

- Mempunyai kuasa memanggil, mem-berhenti dan membubarkan Parlimen.

- Mempunyai kuasa-kuasa dan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri dan atas nasihat Perdana Menteri, melantik menteri-menteri sebagai anggota Jemaah Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri.

Selain itu baginda juga adalah Pemeringkat Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan dan sebagai punca penghormatan, baginda mengurniakan bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat kepada rakyat di semua peringkat.

Yang di-Pertuan Agong juga menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja seperti Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak, selain negeri baginda sendiri.

Baginda juga dikaitkan dengan punca keadilan, oleh itu baginda berkuasa melantik hakim-hakim, mengampun dan menanggukkan hukuman mengenai segala kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera dan segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan dan Labuan.

Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan Terengganu, dilantik oleh Raja-Raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13 dan mengambil alih jawatan itu daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Sultan Mizan, 44, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 13 Disember lalu dan akan ditabalkan pada 26 April ini. Baginda diputerakan pada 22 Januari 1962 di Istana Al-Muktafi, Kuala Terengganu.

Baginda dimasyhurkan sebagai Sultan Terengganu ke-16 pada 15 Mei 1998 berikutan kemangkatan ayahandanya Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah, dengan gelaran Al-Wathiqu Billah.

Selain aktif dalam bidang sukan terutama sukan kuda lasak dengan terbabit dalam pertandingan di dalam dan luar negara, baginda juga aktif dalam sukan polo, bola sepak, golf dan tenis.

Baginda juga pernah menjadi Presiden Majlis Islam dan Kebudayaan Melayu Terengganu dari 1 Jun 1991 hingga Disember 1995.

Baginda mendirikan rumah tangga dengan Permaisuri Raja Nur Zahirah pada 1996 dan dikurniakan dua putera dan dua puteri iaitu Tengku Nadhirah Zahrah, 10, Tengku Mohammad Ismail, 8, Tengku Muhammad Mua'az, 6 dan Tengku Fatimatuz Zahra', 4.

Putera baginda, Tengku Muhammad Ismail dilantik sebagai Pemangku Sultan sepanjang tempoh baginda memegang jawatan sebagai Ketua Negara. – Bernama